



KAEDAH pusara bertingkat sesuai dipraktikkan di WPKL berikutan tanah kubur sedia ada yang padat dan sukar membeli tanah kubur baharu.



**TANAH KUBUR KIAN SEMPIT**

# PUSARA BERTINGKAT SESUAI DI KL

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
saufti@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Jika kaedah kubur bertingkat tidak dipraktikkan, mungkin Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan Melaka akan berdepan masalah kekurangan tanah kubur yang serius kelak." ujar Pengurus Pusat Syariah Darul Fitri, Ustaz Hafiz Za'farani. Isu kekurangan tanah ku-

bur boleh diatasi melalui pelaksanaan kaedah perolehan tanah baharu di luar WPKL atau melaksanakan kubur bertingkat. "Secara perinsipnya, setiap jenazah perlu ditanam dalam liang lahadnya sendiri dan tidak berkongsi dengan jenazah yang lain. "Perkara ini dijelaskan dalam fatwa dikeluarkan Dar al-Ifta' al-Misriyyah. "Kaedah pertama menggali kubur sedalam 18 kaki untuk dikebumikan jenazah pertama dan apabila perlu dikebumikan jenazah ke-

dua, maka digali 12 kaki dalam di tempat yang sama. "Demikian juga, jika hendak kebumikan jenazah ketiga maka digali sedalam 6 kaki dan kaedah ini sesuai dilakukan di tanah perkuburan baharu kerana memerlukan perancangan awal dan rekod rapi," katanya. Bagi kaedah kedua pula, boleh menambah tanah kubur asal dengan tanah baharu sehingga enam kaki tinggi. Menurut, lapisan kedua yang dibuat seperti tanah kubur baharu



**"Jika hendak kebumikan jenazah ketiga maka digali sedalam 6 kaki dan kaedah ini sesuai dilakukan di tanah perkuburan baharu kerana memerlukan perancangan awal dan rekod rapi"**

*Pengurus Pusat Syariah Darul Fitri, Ustaz Hafiz Za'farani*

yang boleh dikebumikan jenazah yang akan datang. "Kaedah ini dilaksanakan di Masjid Al Jamiul Badawi, Pulau Pinang. Namun model kubur dicadangkan di negara ini ialah kubur bertingkat dan bukan menggali kembali kubur lama dan dibeumikan jenazah baru di dalamnya. "Pada pertimbangan saya, kaedah ini lebih sesuai diamalkan di Malaysia, pastinya perlu dapat kelulusan

Majlis Agama Negeri-Negeri dan fatwa daripada Jabatan Mufti Negeri-Negeri. "Tanah kubur bertingkat ini sesuai dipraktikkan di WPKL kerana tanah kubur sedia ada yang padat dan sukar membeli tanah kubur baharu, bahkan ia bersesuaian dengan fatwa Jawatan-kuasa Fatwa Kebangsaan 1992 dan Dar al-Ifta' al-Misriyyah," katanya. Menurut, isu tanah kubur mungkin tidak sukar diselesaikan berikutan masih ada banyak tanah dan kawasan sesuai untuk diwakafkan sebagai tanah kubur. "Namun jika kaedah kubur bertingkat tidak dipraktikkan awal, mungkin 100 tahun mendatang bukan sahaja Kuala Lumpur tetapi Putrajaya, Pulau Pinang dan Melaka juga mengalami masalah sama," katanya. Penduduk WPKL, Faizul Shaari, 47, berkata, kepadatan tanah kubur di WPKL

tidak dapat dielak namun jika kerajaan boleh mengurniakan tanah di kawasan berhampiran adalah satu perkara yang sangat baik. "Setakat yang saya tahu, perolehan tanah baru di Semenyih iaitu di Selangor dengan tempoh masa perjalanan sekitar 40 minit, tetapi bagaimana jika kawasan itu penuh nanti. "Saya fikir pihak autoriti agama perlu fikirkan satu kaedah lebih lestari dan jangka panjang untuk selesaikan masalah ini" katanya